

Muhyiddin nak jadi

mufti pula -Khaled

PETALING JAYA: Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyifatkan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu mengambil alih tugas mufti apabila mengeluarkan 'fatwa' haram mengundi calon Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) di Johor.

“Wah, dialah org politik, dialah mufti, lain kali Malaysia bukan sahaja tak payah pilihan raya, tak payah panggil Parliamen bersidang,” tulisnya di platform X (twitter).

Menteri Pendidikan Tinggi itu mengulas demikian merujuk kepada rakaman video Muhyiddin ketika berkempen di Pilihan Raya Kecil (PRK) Pulau.

Menerusi rakaman itu, Muhyiddin berkata, PRK itu bukan sahaja satu referendum, tetapi kemarahan rakyat Parliamen Pulau selepas rakyat terpaksa hidup susah dan menderita.

“Jangan bagi satu undi (kepada Suhaizan). Saya bagi hukum haram,” katanya yang menyifatkan haram itu kerana kerajaan sekarang tidak mampu selesaikan masalah rakyat.